

U B073 AAB

MAHATHIR - DADAH

KUALA LUMPUR, 1 JULAI (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENGARAHKAN SUPAYA DIPERHEBATKAN LAGI USAHA-USAHA PENGAWALAN KEMASUKAN DADAH KE NEGARA INI BAIK DI PERBATASAN, DARAT MAHUPUN LAUT KERANA MEMANDANGKAN MASALAH DADAH MASIH BERTERUSAN MENJADI MASALAH BESAR NEGARA.

PERDANA MENTERI MEMINTA AGENSI-AGENSI KERAJAAN YANG TERLIBAT DENGAN USAHA ANTI-DADAH KHASNYA POLIS DAN KASTAM MERANGKA STRATEGI-STRATEGI DAN PROGRAM-PROGRAM SECARA BERSENDIRIAN ATAU BERSAMA BAGI MENCAPAI MATLAMAT ITU.

BELIAU JUGA MENEGASKAN BAHAWA MALAYSIA AKAN TERUS MENGAMBIL LANGKAH YANG PERLU BAGI MEMASTIKAN TIADA SESIAPA MENGGUNAKAN NEGARA INI SEBAGAI TEMPAT MENGEDAR DADAH DAN MENJADIKAN GENERASI MUDA NEGARA SEBAGAI PENAGIH.

PENGARAH ANTI-DADAH ENCIK KHAIRUDDIN IBRAHIM MEMBERITAU PARA PEMBERITA BAHAWA PERDANA MENTERI MENEGASKAN DEMIKIAN KETIKA MEMPENGERUSIKAN MESYUARAT PERTAMA JAWATANKUASA ANTI-DADAH MAJLIS KESELAMATAN NEGARA DI SINI, SEJAK JAWATANKUASA ITU DITUBUHKAN.

DATUK SERI DR MAHATHIR, KATANYA, MENEGASKAN PADA MESYUARAT ITU BETAPA SERIUSNYA MASALAH PENAGIHAN DAN PENGEDARAN DADAH DI NEGARA INI SEKARANG DAN IA MASIH BERTERUSAN WALAUPUN LANGKAH-LANGKAH TEGAS TELAH DIAMBIL. -- LAGI.

1601MST 01 07 86

U B077 AAB

MAHATHIR - DADAH 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA SEKIRANYA KERAJAAN TIDAK MENGAMBIL TINDAKAN TEGAS TERHADAP MASALAH DADAH YANG DIHADAPI OLEH NEGARA, IA AKAN MENJADI LEBIH PARAH LAGI, KATA ENCIK KHAIRUDDIN.

OLEH ITU, DATUK SERI DR MAHATHIR BERHARAP AGENSI-AGENSI KERAJAAN YANG TERLIBAT DENGAN PEMBASMIAN DADAH HENDAKLAH MEMBERI PERHATIAN YANG LEBIH SERIUS TERHADAP MASALAH ITU.

SEHUBUNGAN DENGAN ITU JUGA, PERDANA MENTERI MEMINTA SUPAYA DIUSAHAKAN SATU CARA MENJADIKAN DADAH SEBAGAI SESUATU YANG DIPANDANG JIJIK OLEH SETIAP ANGGOTA MASYARAKAT.

ENCIK KHAIRUDDIN BERKATA AGENSI-AGENSI KERAJAAN YANG TERLIBAT DENGAN KEMPEN ANTI-DADAH AKAN MEMIKIRKAN CARA-CARA BAGAIMANA PANDANGAN JIJIK TERHADAP DADAH DAPAT DILAKUKAN.

BELIAU BERKATA MESYUARAT JUGA DIBERI TAKLIMAT MENGENAI USAHA-USAHA KASTAM MENINGKATKAN PENCEGAHAN KEMASUKAN DADAH KE NEGARA INI TERMASUK MENEMPATKAN ANJING-ANJING PENGESAN DADAH DI ALOR SETAR, PULAU PINANG, TUMPAT DAN JOHOR BAHRU. -- LAGI.

1609MST 01 07 86

U B080 AAB

MAHATHIR - DADAH 3 KUALA LUMPUR

KATANYA LANGKAH MENEMPATKAN ANJING-ANJING PENGESAN ITU ADALAH SATU LANGKAH BERTERUSAN. KASTAM YANG MEMPUNYAI 20 EKOR ANJING MENGHANTAR 13 PEGAWAI KASTAM MENJALANI KURSUS MENGENDALIKAN ANJING PENGESAN DI UNITED KINGDOM DAN AKAN KEMBALI BERSAMA-SAMA DENGAN 13. EKOR ANJING APABILA TAMAT KURSUS.

TAHUN DEPAN 15 ORANG LAGI PEGAWAI AKAN DIHANTAR BERKURSUS DAN MEREKA AKAN MEMBAWA 15 EKOR LAGI ANJING PENGESAN, TAMBAH BELIAU.

KATANYA SELURUH TENAGA PEGAWAI KASTAM JUGA DIKERAHKAN DALAM PENCEGAHAN KEMASUKAN DADAH KE NEGARA INI.

MENGENAI USAHA MALAYSIA PADA PERINGKAT ANTARABANGSA DALAM PEMBASMIAN DADAH, ENCIK KHAIRUDDIN BERKATA SEBILANGAN BESAR NEGARA MULA MENGIKTIRAF KEADAAN MASALAH DADAH DI NEGARA MASING-MASING DAN MEMBERI KOMITMEN SERTA SOKONGAN LEBIH POSITIF DALAM PENGAWALAN DAN PENCEGAHAN.

BELIAU BERKATA KERAJAAN BERSETUJU MALAYSIA MENJADI PENYERTA KONVENSYEN BAHAN-BAHAN YANG MENGKHAYALKAN 1971 DAN +WATIKAH PERSETUJUAN+ AKAN DISERAHKAN KEPADA SETIAUSAHA AGUNG PERTUBUHAN BANGSA-BANGSA BERSATU TIDAK LAMA LAGI. -- LAGI.

1619MST 01 07 86

0484

U-2072 AAB

MAHATHIR - DADAH 4 KUALA LUMPUR

LANGKAH-LANGKAH SEDANG DIAMBIL BAGI MELAKSANAKAN KEHENDAK-KEHENDAK DAN PERUNTUKAN-PERUNTUKAN KONVENSYEN ITU DALAM USAHA MENCEGAH DAN PENGAWAL PENYALAHGUNAAN BAHAN-BAHAN PSIKOTROPIK, TAMBAH BELIAU.

BELIAU JUGA BERKATA MALAYSIA BERJAYA MENDAPATKAN BANTUAN TEKNIK DARIPADA TABUNG BAGI MENGAWAL PENYALAHGUNAAN DADAH BANGSA-BANGSA BERSATU (UNFDAC) BERJUMLAH US\$900,000 DAN PERJANJIAN BANTUAN DENGAN BADAN ITU AKAN DITANDATANGANI TIDAK LAMA LAGI.

ENCIK KHAIRUDDIN BERKATA MALAYSIA DIMINTA OLEH BAHAGIAN DADAH NARKOTIK BANGSA-BANGSA BERSATU MENJADI TUAN RUMAH KEPADA MESYUARAT PAKAR-PAKAR MENGENAI KAEDAH MENGANALISIS GANJA DAN AMPHETAMINES PADA BULAN OKTOBER TAHUN INI.

KATANYA PAKAR-PAKAR TEMPATAN AKAN MENDAPAT FAEDAH DARIPADA MESYUARAT ITU KERANA MEMANDANGKAN BUAT MASA INI BELUM ADA KAEDAH MENGESAN KESAN-KESAN BAHAN ITU DALAM TUBUH MEREKA YANG MENAGIHNYA. -- BERNAMA.

1646MST 01 07 86